

06 FEB 1997

Muhyiddin-Kerahan

KERTAS KERJA KERAHAN TENAGA BELIA SIAP AKHIR BULAN INI

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Kertas kerja mengenai kerahan tenaga belia akan siap akhir bulan ini dan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Beliau berkata kertas kerja itu antara lain mencadangkan supaya kerahan tenaga belia diwajibkan ke atas belia selepas mereka menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Kementerian Belia dan Sukan berpendapat jika program itu mahu mencapai matlamatnya membina siasah, moral dan akhlak golongan belia yang baik ia mesti diwajibkan...Tidak boleh secara pilihan sebahagian ikut sebahagian lagi tidak," katanya pada persidangan berita di pejabatnya di sini.

Beliau berkata kerahan tenaga belia melibatkan 300,000 hingga 400,000 belia lepasan SPM setiap tahun dan perancangan yang rapi, modul program yang sesuai, infrastruktur sokongan seperti tenaga pengurus dan fasilitator diperlukan.

"Sehingga mesyuarat kabinet atau perbincangan dengan Perdana Menteri diadakan baru kita tahu agensi mana sama ada Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan atau Pusat Islam yang akan melaksanakannya," kata beliau.

Sementara itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) menyambut baik langkah kerajaan untuk menimbang cadangan supaya lepasan sekolah menyertai program kerahan tenaga dalam usaha mengurangkan gejala sosial, khususnya di kalangan belia.

Dalam kenyataannya di sini, Setiausaha Agung MBM Saifuddin Abdullah berkata masanya telah tiba bagi mencuba sesuatu yang baru iaitu bentuk kerahan tenaga belia ala-Malaysia sebagai satu agenda baru negara yang disertai oleh semua pihak.

Beliau berkata jika program ini dilaksanakan kelak, ia sebaik-baiknya dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri kerana selama ini kebanyakan program berkaitan yang dijalankan pada peringkat kebangsaan hanya dijalankan oleh sesuatu kementerian atau agensi kerajaan.

Beliau juga mencadangkan agar kerahan itu tidak mengikut model latihan ketenteraan seperti yang dilaksanakan oleh sesetengah negara, sebaliknya dijalankan secara bersepadu daripada segi pengisian fizikal, intelektual, psikologi, spiritual dan semangat patriotisme. -- BERNAMA

MT RV AKD